

07 SEP 1998

Najib-Petisyen

DENGAR DULU PENJELASAN DR MAHATHIR, KATA NAJIB

KUALA TERENGGANU, 7 Sept (Bernama) -- Naib Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak menasihati UMNO Bahagian Permatang Pauh supaya mendengar penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terlebih dahulu sebelum meneruskan hasratnya menghantar petisyen rayuan kepada Presiden parti itu berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti Khamis lepas.

Beliau berkata Presiden parti akan mengadakan majlis penerangan untuk semua Bahagian UMNO di Kuala Lumpur dalam sehari dua ini.

"Oleh itu, UMNO Permatang Pauh perlu mendengar dahulu penjelasan itu sebelum membuat sebarang petisyen rayuan," katanya ketika diminta mengulas kempen yang dilakukan UMNO Permatang Pauh mendapatkan tandatangan kira-kira 13,000 anggota bahagian itu bagi merayu Presiden parti memaaf dan mengampunkan bekas timbalannya itu.

Najib berkata Dr Mahathir tidak pernah mengambil sesuatu keputusan terburu-buru melainkan setelah beliau mempunyai asas dan bukti yang kukuh.

"Oleh itu rakyat diminta bertenang dalam menghadapi atau mendengar pelbagai isu mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar," katanya di sini hari ini.

Najib, yang juga Menteri Pendidikan, menasihati para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) supaya menjaga kesopanan dan tatasusila, dan tidak melakukan perbuatan yang melanggar undang-undang.

"Tidak salah mereka berbincang mengenai hal-hal politik negara tetapi janganlah membawa kepada perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang negara seperti perhimpunan yang tidak mendapat permit, tunjuk perasaan, terlibat dengan pengagihan dokumen-dokumen dan risalah politik dan membawa sepanduk-sepanduk yang bertentangan dengan peraturan," katanya.

Katanya, keadaan para pelajar dalam kampus setakat ini terkawal dan tindakan mereka sentiasa diawasi supaya tidak sampai menggugat keselamatan negara.

Beliau berkata kerajaan telah memberi arahan kepada semua IPT dan polis agar mengawasi dan mengikuti perkembangan di dalam dan luar kampus bagi memastikan para pelajar IPT tidak melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan undang-undang negara.

Katanya, arahan itu bukan berhasrat mengongkong para pelajar daripada mengikuti perkembangan isu semasa tetapi mereka tidak perlu beremosi sehingga boleh mengganggu keamanan negara.

Mengenai perbuatan pelajar melontar kotak minuman dan rokok kepada anggota-anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO selepas mesyuarat MT Khamis lepas, Najib berkata kementerian menerima laporan mengenainya dan telah berbincang dengan polis untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata tindakan yang akan dikenakan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Mengenai kemungkinan pelajar di luar negara terlibat gerakan seumpama itu, beliau berkata para penaja seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) boleh mengambil tindakan ke atas pelajar tajaan mereka yang terbukti berbuat demikian.

Najib berkata kementerian juga akan menyiasat keterlibatan pelajar dalam menyebarkan risalah berhubung isu pemecatan Anwar di Pulau Pinang tetapi setakat ini ia masih menunggu laporan polis mengenai perkara itu.

-- BERNAMA

sbs KHY